

Bahagian B

[30 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Adik suka membeli murtabak di restoran itu kerana rasanya enak.

(b) Para pekerja memperlebar jalan raya agar kesesakan lalu lintas dapat dielakkan.

Kesalahan Ejaan / Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosakata / Aras: R [2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Perkhidmatan mini bas di Kuala Lumpur sangat popular suatu masa dahulu.

(b) Saidin tidak dapat menyiapkan tugas itu oleh kerana kesuntukan masa.

Kesalahan Bahasa / Pengetahuan Sistem Bahasa – Tata Bahasa / Aras: R [2 markah]


- 3 Tukarkan **ayat aktif** yang diberikan kepada **ayat pasif**.

(a) Linda membeli rantai kunci untuk kawan sekelasnya.

(b) Guru disiplin mengingatkan murid supaya tidak datang lambat ke sekolah.

Sintaksis – Struktur Ayat / Pengetahuan Sistem Bahasa – Tata Bahasa / Aras: S [4 markah]

- 4 Lihat bahan di bawah dengan telitinya.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



- (a) _____

- (b) _____

Peribahasa | Pengetahuan Sistem Bahasa – Peribahasa | Aras: T [2 markah]